

**PERTEMPURAN KALABAKAN 1963: PATRIOTISME DAN KEDAULATAN
MALAYSIA**

***THE BATTLE OF KALABAKAN 1963: PATRIOTISM AND MALAYSIAN
SOVEREIGNTY***

Abdul Rahman Bin Mad Ali @ Abang*
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, MALAYSIA

Abstrak

Pertempuran Kalabakan pada 29 Disember 1963 adalah salah satu bukti tindakan subversif tentera Indonesia ke atas wilayah sempadan Malaysia di sempadan Sabah-Kalimantan Utara, Tawau, Sabah. Peristiwa ini kemudiannya dikenali dalam kalangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai 'Peristiwa Kalabakan' manakala dalam kalangan masyarakat sempadan Sabah dikenali sebagai 'Malam Berapi Kalabakan' kerana telah mengorbankan banyak tentera kedua-dua pihak. Penulisan akan merungkaikan peristiwa pertempuran dan sumbangan Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD Ke-3) dalam usaha mempertahankan kedaulatan Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara deskriptif bermula dengan kajian perpustakaan. Penelitian turut dilakukan di arkib bermula di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia dan Muzium tentera darat Malaysia. Kaedah temu bual turut digunakan terutamanya untuk mendapatkan maklumat daripada pengalaman veteran (memori kolektif) tentera dan masyarakat mengenai situasi pertempuran tersebut. Kerja lapangan juga turut digunakan khusus untuk mengesan dan melihat lokasi pertempuran pasukan keselamatan Malaysia di Kalabakan, Tawau, Sabah. Akhirnya, dapatan penulisan artikel ini mengangkat 'Kalabakan' sebagai simbol patriotisme yang mencerminkan keteguhan perjuangan para perajurit serta masyarakat di kawasan sempadan Sabah dalam mempertahankan tanah air daripada ancaman pencerobohan tentera Indonesia. Semangat juang yang ditunjukkan dalam peristiwa ini wajar dijadikan teladan dalam usaha mengisi makna kemerdekaan dan memartabatkan kedaulatan negara Malaysia.

Kata Kunci: Konfrontasi, Pertempuran Kalabakan, Subversif, Tentera, Malaysia

Abstract

The Battle of Kalabakan on 29 December 1963 was one of the evidences of the Indonesian military's subversive actions on the Malaysian border region on the Sabah-East Kalimantan border, Tawau, Sabah. This event was later known among the Malaysian Armed Forces (ATM) as the 'Kalabakan Incident' while among the Sabah border community known as the 'Kalabakan Fire Night' has killed many soldiers on both sides. The writing will describe the events of the battle and the contribution of the Royal Malay Regiment (3rd RAMD) in the effort to defend Malaysia's sovereignty. This study uses a descriptive qualitative approach starting with a library study. Research was also done in the archives starting at the Sabah State Archives, the National Archives of Malaysia and the Malaysian Army Museum. The tutut interview method was used primarily to obtain information from the experiences of military veterans (collective memory) of the military and the community about the combat situation. Fieldwork was also used specifically to track and view the location of the Malaysian security forces' battle in Kalabakan, Tawau, Sabah. Finally, the finding of this writing tries to highlight 'Kalabakan' as a symbol of patriotism in the efforts of soldiers and the Sabah border community in the struggle to defend the 'homeland'

of my bloodshed' from the threat of the Indonesian invading army should be emulated in filling the glory of Malaysia.

Keywords: *Confrontation, Battle of Kalabakan, subversive, Army, Malaysia*

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang berdaulat pada 16 September 1963.¹ Namun kemerdekaan ini telah mendapat penentangan yang hebat khususnya negara jiran Indonesia. Penentangan ini telah memperkenalkan satu istilah baharu yang kemudiannya dikenali dengan 'Konfrontasi' dalam erti kata lain Ganyang Malaysia.² Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia memperlihatkan dua bentuk penentangan yang utama, dalam bentuk politik dan ketenteraan. Namun dalam episod Konfrontasi Indonesia-Malaysia ialah tindakan agresif pencerobohan tentera ini telah mengejutkan masyarakat di sempadan Malaysia.³ Tindakan Regim Sukarno menceroboh Sabah khususnya kawasan sempadan. Kalabakan Tawau telah dikejutkan oleh tentera Indonesia dalam Pertempuran Kalabakan 29 Disember, 1963 dan serangan hendap pada 30 Oktober, 1966.⁴ Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966 adalah sejarah awal Sabah merdeka dalam Malaysia. Namun, kemerdekaan ini tidak mudah untuk diterima oleh sesetengah pihak khususnya Regim Sukarno. Ketidafahaman mengenai Malaysia akhirnya membawa sejarah baru dua negara serumpun Melayu ini. Tindak balas Sukarno ini tidak hanya propaganda politik menggagalkan Malaysia, malah turut disusuli dengan serangan mengejut Indonesia ke atas wilayah sempadan Sabah-Kalimantan Utara. Tindakan subversif ketenteraan ini telah memperlihatkan keseriusan Sukarno dalam mengganyang Malaysia. Malaysia sebagai sebuah Negara yang baru merdeka dan berdaulat telah cuba mempertahankan kedaulatannya.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah deskriptif bagi menganalisis aspek sejarah, strategi ketenteraan, dan pengalaman tempur dalam insiden Pertempuran Kalabakan. Data utama diperoleh melalui kajian kepustakaan serta penyelidikan arkib yang dijalankan di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia, dan Muzium Tentera Darat Malaysia. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang melibatkan veteran Angkatan Tentera Malaysia serta komuniti setempat bagi memperoleh naratif langsung dan konteks pengalaman semasa pertempuran berlaku. Kaedah ini membolehkan pengkaji mendapatkan perspektif yang lebih mendalam berkaitan peranan, pengorbanan, dan persepsi masyarakat terhadap ancaman ketenteraan semasa Konfrontasi Indonesia–Malaysia. Kerja lapangan turut dilaksanakan di kawasan Kalabakan, Tawau, Sabah, khususnya di lokasi-lokasi strategik yang dikenal pasti sebagai medan pertempuran utama. Aktiviti ini merangkumi dokumentasi visual, pemetaan lokasi menggunakan pendekatan geospasial asas, serta verifikasi silang (triangulasi) data yang diperoleh daripada temu bual lisan dan sumber arkib. Tujuan utama kerja lapangan ini adalah untuk mengesahkan keabsahan lokasi sejarah berdasarkan naratif tempatan dan catatan rasmi, seterusnya memperkukuh integriti dapatan kajian secara holistik.

Kronologi Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963

Realitinya Kalabakan telah menjadi saksi Sabah merdeka dalam Malaysia. Upaya mempertahankan Kalabakan turut melibatkan pasukan pertahanan dan keselamatan Malaysia. Namun, penglibatan rakyat Sabah khususnya masyarakat sempadan juga turut serta dalam

mempertahankan Kalabakan. Justeru itu, penulisan ini akan mengalurkan peristiwa tersebut dengan teliti dan merungkaikan signifikannya dalam sejarah negeri Sabah, Sejarah Malaysia dan sejarah ketenteraan Malaysia.⁵ Serangan tentera Indonesia yang paling mendukacitakan berlaku di Kalabakan tidak jauh dari Bandar Tawau, Sabah, pada 29 Disember, 1963 telah mencatat sejarah hitam buat negara.⁶ Pada pertengahan Disember 1963, Indonesia telah menghantar Kor-Komando Operasi (KKO) untuk menawan Kalabakan sebelum pergi ke Tawau dan Sandakan. Seramai 128 orang anggota terlibat, sebahagian daripadanya adalah anggota Pramuka yang belum terlatih. Tiga puluh lima anggota tentera Indonesia dibahagikan kepada empat detasmen. Satu kumpulan tiga puluh enam orang termasuk lapan KKO diletakkan di bawah perintah Sarjan Benny dari KKO. Wayang pula telah mengetuai tiga puluh enam anggota termasuk lima belas KKO, Lasani mengetuai tiga puluh empat anggota, manakala Sarjan Buronto dari KKO mengetuai dua puluh dua orang anggota. Mereka telah bergerak dari Kem di Kalimantan menuju ke Serudung.⁷

Pada 21 Disember 1963 mereka telah merompak sebuah kedai di Serudung sebelum bergerak ke Silimpon. Pada malam 28 Disember 1963, mereka berehat di satu kawasan pengkalan balak berhampiran Kalabakan. Terdapat dua penempatan pasukan keselamatan Malaysia di Kalabakan. Sebuah Balai Polis dengan kekuatan 15 orang anggota dalam jarak lebih kurang 600 ela dari pos berkenaan selain terdapat pula satu penempatan tentera yang didiami oleh Platun 1 Kompeni A bersama dua seksyen Platun 10 Kompeni C, Rejimen Askar Melayu DiRaja ketiga (RAMD 3).⁸ Pertempuran pada 29 Disember ini kemudiannya dikenali sebagai 'Peristiwa Kalabakan' yang berlaku tidak jauh dari tebing Sungai, kira-kira 30 kilometer di utara Tawau.⁷ Tentera Indonesia telah menyerang pasukan Infantri dan Kompeni C Askar Melayu Diraja yang menjaga kawasan pembalakan di sempadan. Pada senja 29 Disember, Sarjan Benny telah mengetuai kumpulannya melakukan serangan dari dua kedudukan.⁹ Satu kumpulan menyerang dari atas bukit ke penempatan platun RAMD-3 menyebabkan seorang pegawai dan tujuh anggota RAMD-3 telah terkorban manakala lapan belas yang lain mendapat kecederaan.¹⁰

Kumpulan kedua bergerak menyerang Pos Polis sepuluh minit selepas serangan ke atas penempatan anggota RAMD-3. Lemahnya koordinasi dalam serangan tersebut memberi peluang kepada ketua penempatan polis mendapatkan bantuan sembilan belas anggota polis dan *Home Guard* yang sudah bersedia di kawasan pos sebelum pertempuran bermula. Dalam pertempuran yang berlaku, polis berjaya membunuh seorang dan mencederakan empat anggota bersenjata Indonesia. Pertempuran berlangsung selama empat jam sebelum tentera Indonesia tersebut berundur arah ke Utara Kalabakan. Satu *Scout Troop* dan elemen "relief troop" Skuadron A 2 Peninjau diketuai oleh Lefternan M.B.T Chong adalah pasukan tentera Malaysia pertama dikejarkan bagi membantu RAMD ke-3.¹¹

Serangan kedua turut dihalakan kepada Balai Polis selang sepuluh minit.¹² Penyerang-penyerang itu kemudiannya dapat juga ditawan sebagai tahanan sehingga Konfrontasi ditamatkan. Pertempuran di Kalabakan ini yang juga dikenali sebagai "malam berapi di Kalabakan" oleh penduduk tempatan kerana peristiwa ini merupakan pertempuran yang terhebat, melibatkan angkatan tentera Malaysia dan tentera Indonesia secara terbuka.¹³ Sebelum kedatangan RAMD ke-3, di Kalabakan sudah pun mempunyai pasukan sendiri.¹⁴ Di Kalabakan terdapat sebuah pasukan Balai Polis Hutan yang tidak jauh dari pejabat *North Borneo Timber* (NBT) yang hanya berhadapan dengan pos tentera.¹⁵ Pada masa yang sama, Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan pula mengumumkan bahawa tindakan pihak Indonesia itu mengancam telah keselamatan Tanah Melayu. Kuala Lumpur perlu mengambil beberapa langkah untuk menjamin keselamatannya¹⁶ dengan menguatkan angkatan tentera darat, laut dan udaranya untuk menghadapi ancaman tidak terduga dari Indonesia.

Di samping itu, Malaysia juga telah membatalkan pemergian tambahan 800 orang tenteranya ke Congo sebagai tentera Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan bercadang memanggil balik tenteranya yang sedang berkhidmat di Congo.¹⁷ Namun, keadaan menjadi kelam kabut apabila sebuah bot tentera laut Indonesia telah menyerang sebuah tongkang Malaysia di perairan Tanah Melayu dengan alasan terlibat dalam penyeludupan.¹⁶ Bagi mengatasi ancaman penyusupan sedemikian, tentera laut Tanah Melayu telah menambahkan rondaan di perairannya.¹⁸ Dalam usaha memperkuat tentera laut, kerajaan Tanah Melayu telah membeli beberapa buah helikopter dan bot laju dari Britain dan Perancis supaya dapat mengimbangi kekuatan tentera laut Indonesia.¹⁹ Memandangkan situasi konfrontasi kian meruncing, maka pada 18 September 1963, Malaysia telah mengisytiharkan *a state of preparedness* untuk menghadapi penentangan dari Indonesia dan Filipina.

Menyedari akan ancaman agresif tentera Indonesia ke wilayah Malaysia di Sabah dan Sarawak, Britain kemudiannya telah mula menghantarkan 20,000 orang tenteranya dari *Unit Strategic Reserve* bagi menguatkan pertahanan Malaysia.²⁰ Malaysia kemudiannya membentuk Majlis Pertahanan Malaysia untuk mengambil langkah-langkah bagi menjamin keselamatan negara.²¹ Langkah segera diambil untuk mengemaskinikan pasukan keselamatan untuk menghadapi sebarang kemungkinan. British kemudiannya telah memberitahu Tunku Abdul Rahman bahawa Britain sedia membantu Malaysia untuk mempertahankan kedaulatannya.²² Australia turut menyatakan hasrat bagi membantu Malaysia jika Indonesia menyerang.

Australia juga mengumumkan untuk menghantar tenteranya ke wilayah-wilayah Malaysia di Borneo jika berlaku pencerobohan tentera Indonesia.²³ Kedudukan pertahanan Malaysia ketika itu masih dalam pembangunan. Kerajaan Malaysia hanya membelanjakan lapan peratus daripada belanjawan negara untuk pertahanan.²⁴ Tentera darat Malaysia hanya mempunyai lapan batalion iaitu batalion infantri termasuk dua dari Singapura, beberapa kereta perisai dan pasukan meriam yang kecil sahaja. Walau bagaimanapun, kehadiran tentera Komanwel dengan kelengkapan ketenteraan yang canggih di bawah Perjanjian AMDA telah menguatkan lagi pertahanan Malaysia. Sebaliknya, kekuatan ketenteraan Indonesia ketika itu dapat dilihat semasa operasi Trikora²⁵ dan Dwikora²⁶ di mana Indonesia jelas kelihatan memiliki kekuatan yang begitu besar dan moden.

Selepas Pertempuran

Menurut laporan, terdapat beberapa senjata yang telah dikenal pasti hilang oleh RAMD ke-3 sebaik sahaja Peristiwa Kalabakan. Sebaik sahaja selepas serangan ke Kalabakan pada 29 Disember perintah dari tentera memaklumkan bahawa keadaan Kalabakan masih lagi dalam keadaan 'darurat'.²⁷ Semua kegiatan harian penduduk kampung turut terbantut tidak seperti selalunya.²⁸ Namun, orang kampung masih lagi boleh pergi membuat kerja kebiasaan mereka tetapi diwajibkan mengambil pas keselamatan²⁹ di Balai Polis Hutan. Pas keselamatan ini penting bagi keselamatan penduduk kampung. Pergerakan setiap mereka dikawal oleh pihak tentera Malaysia bagi mengelakkan mereka daripada diculik oleh TNKU yang masih lagi berada di sekitar Kalabakan. Semua penduduk kampung diarahkan untuk membersihkan kawasan hutan sejauh kira-kira dua belas rantai dari tepi Sungai Kalabakan hingga ke Pos tentera secara gotong-royong.

Bagi orang kampung, mereka telah diarahkan untuk membuat *ranjau*³⁰ bagi menjamin keselamatan kampung dari dicerobohi tentera Indonesia. Hampir semua orang kampung terlibat kerana pada yang sama itu mereka tidak dapat bekerja akibat perintah berkurung. Selain orang

kampung, pekerja Syarikat *North Borneo Timber* (NBT) juga turut serta untuk membersihkan kawasan atas bukit berdekatan dengan pos tentera untuk membina lapangan terbang.³¹ Syarikat NBT telah mengarahkan semua pekerjanya untuk tujuan itu. Kawasan bukit itu telah diratakan menggunakan jentera milik Syarikat NBT atas arahan Mr.Ress. Penduduk Kampung bersama pihak tentera Malaysia telah bekerjasama bagi membersihkan kawasan bukit bagi tempat pendaratan helikopter.³²

Sewaktu perintah berkurung dikeluarkan, penduduk kampung juga mengalami kesukaran untuk keluar bagi mendapatkan bekalan makanan.³³ Di antara bahan makanan termasuklah, beras, gula, ikan kering, makanan dalam tin. Sepanjang tempoh perintah berkurung dikeluarkan semua bekalan makanan telah dibekalkan oleh pihak tentera Malaysia.³⁴ Oleh kerana kerjasama yang begitu baik yang diberikan penduduk kampung, akhirnya satu demi satu tentera penceroboh berjaya ditumpaskan oleh tentera Malaysia yang dibantu tentera bantuan dari Gurkha dan Australia.³⁵ Penduduk kampung banyak berhutang budi kepada pihak tentera Malaysia yang berusaha sebaik mungkin untuk memastikan agar keamanan penduduk kampung dan yang paling penting kemerdekaan negara akan terus terpelihara.

Pada 2 Januari 1964³⁶ sebuah pasukan tentera Gurkha 1/10 pimpinan *Lieutenant Colonel Burnett* telah dikejarkan ke Kalabakan bagi membantu RAMD ke-3 membuat penggeledahan di kawasan Kalabakan.³⁷ Pada 27 Januari, satu kumpulan ronda dari Kompeni B di bawah Leftenan Muda Ishar Bin Sham (12221) menjumpai satu perkhemahan anggota tentera penceroboh dan pertempuran berlaku. Seorang anggota tentera Indonesia telah berjaya dibunuh, dua pucuk senapang, 12 butir bom tangan dan sejumlah peluru berjaya dijumpai.³⁸ Seterusnya platoon 6 di bawah pimpinan Leftenan Muda Abdul Aziz Shaari (12178) ketika membuat serangan hendap di Merotai Estet pada 28 Januari telah berjaya membunuh tiga orang anggota tentera Indonesia, selepas mengalami satu pertempuran yang sengit dengan pihak musuh.³⁹ Sehingga 10 Februari, seramai 29 orang anggota tentera Indonesia telah berjaya dibunuh, 33 orang anggota ditawan, manakala 22 orang anggota lagi telah menyerah diri. Tindakan pantas dari pihak tentera Malaysia yang segera mendapatkan bantuan dari pasukan tentera Gurkha dan tentera Australia sendiri telah berjaya menjejaki dan mengesan TNKU.⁴⁰ Kehadiran pasukan tersebut telah dibantu oleh *Home Guard* yang sama-sama berganding bahu dalam operasi mengesan TNKU ke dalam hutan sekitar Kalabakan.

Pertempuran Kalabakan dan Implikasinya terhadap Kedaulatan Malaysia

Signifikan peristiwa sejarah di atas kepada sejarah Malaysia adalah amat penting. Kalabakan Tawau, Sabah menjadi bukti Malaysia hanya mempertahankan kedaulatannya. Meskipun, terdapat banyak pencerobohan tentera Indonesia ke atas wilayah Malaysia di sempadan namun, Malaysia masih mampu bertahan. Kalabakan menjadi satu tempat yang amat bersejarah bagi sejarah Malaysia, Sabah dan sejarah ketenteraan Malaysia khususnya Angkatan Tentera Malaysia. Antara yang terlibat seperti Rejimen Askar Melayu Diraja ke-3 (RAMD ke-3). Jika, Bukit Kepong menjadi batu asas kepada simbolik perjuangan Malaysia mempertahankan kedaulatannya khususnya tentera darat Angkatan Tentera Malaysia.

Patriotisme merupakan satu aspek penting dalam proses pembangunan sesebuah negara.⁴¹ Jepun maju kerana telah menjadikan nasionalisme teras pembangunan negara dan bangsanya. Oleh yang demikian, dasar pertahanan harus dicipta dengan mengambil kira faktor nasionalisme. Pembentukan nasionalisme Malaysia menuntut agar setiap warganegara memiliki pemahaman yang mendalam terhadap sejarah negara. Hal ini meliputi aspek memahami,

menghayati dan menghargai erti sebenar sebuah perjuangan dalam proses pembinaan negara bangsa. Malaysia tidak hanya merdeka dari penjajahan British melalui meja rundingan tapi juga turut melibatkan pertumpahan darah dalam perjuangan. Kalabakan, Tawau, Sabah menjadi bukti Malaysia dalam mempertahankan statusnya sebagai sebuah negara berdaulat dari pencerobohan tentera Indonesia.⁴² Pengabdian peristiwa bersejarah ini dapat dilihat pada Rajah 1 menyaksikan Perdana Menteri Pertama Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dalam upacara meletakkan batu asas Tugu Peringatan Pahlawan di Kalabakan sambil disaksikan oleh pemimpin negeri Sabah dan kepimpinan tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (lihat Rajah 1 dan 2). Memori bersejarah ini adalah untuk memperingati jasa tentera yang berkorban jiwa kerana mempertahankan tanah air di Kalabakan seperti mana yang ditunjukkan pada Rajah 3.

Rajah 1: Perdana Menteri Pertama Meletakkan Batu Asas Tugu Peringatan Pahlawan di Kalabakan



Sumber: *Daily Express*, Disember, 31, 1966

Rajah 2 : Perdana Menteri Pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman



Sumber: *Daily Express*, Disember, 30, 1966.

Rajah 3: Batu Asas Peringatan Tugu Kalabakan



Sumber: Koleksi Peribadi Mad Ali @ Abang (2008)

Rajah 4: Lakonan Semula Peristiwa Kalabakan



Sumber: Ehsan RAMD Ke-3

Rajah 5: Tugu Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963



Sumber: Koleksi Peribadi Mad Ali @Abang (2008)

Nostalgia di Kalabakan Tawau Sabah ini menuntut agar setiap warganegara Malaysia dan rakyatnya mempunyai jati diri, ketaatan dan kesetiaan untuk bersama-sama Malaysia. Rakyatnya harus mempunyai jati diri, ketaatan dan kesetiaan kepada negara dalam apa juga situasi demi mempertahankan negara. Kalabakan Tawau Sabah telah menjadi saksi terdapat sebilangan kecil rakyat tempatan yang menjadi tali barut dalam membantu tentera Indonesia untuk mencerooboh sempadan Malaysia.⁴³ Rajah 4 menunjukkan satu babak dari lakonan semula peristiwa Kalabakan, manakalah Rajah 5 pula adalah paparan nama tentera Malaysia yang terkorban dalam peristiwa Kalabakan. Inisiatif untuk memperingati peristiwa bersejarah ini telah diusahakan semula oleh Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD). Program ini dilaksanakan atas perkenan dari Kolonel Tertinggi 3 RAMD, Sultan Kedah, Sultan Badlishah

ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, dan berlangsung di tapak asal pertempuran di Kalabakan pada tahun 2005.⁴⁴

Kesimpulan

Malaysia pada zahirnya telah diiktirafkan sebagai sebuah nasion yang merdeka sepenuhnya pada 16 September 1963. Walau bagaimanapun tragedi pada pertempuran Kalabakan pada 29 Disember tahun yang sama telah menjadi bukti perjuangan Angkatan Tentera Malaysia khususnya RAMD ke-3 dalam mempertahankan negara. Perjuangan dan pengorbanan RAMD ke-3 telah memperlihatkan keteguhan mempertahankan kedaulatan tanah air daripada pencerobohan penaklukan oleh tentera Indonesia. Tindakan tentera Indonesia menceroboh dan menyerang pos keselamatan Malaysia di Kalabakan ternyata ditegaskan dengan pendirian Indonesia untuk menganggu Malaysia. Mujurlah semangat perjuangan dan kejayaan yang ditunjukkan oleh RAMD Ke-3 dalam mempertahankan kawasan Kalabakan menjadi teladan kepada rakyat dan negara Malaysia. Sewajarnya perjuangan RAMD ke-3 menjadi bukti patriotisme sebagai sebuah negara yang merdeka sepenuhnya. Kemerdekaan yang dikecapi perlulah dihargai dan disyukuri.

Kesedaran dan penghayatan semangat patriotik terhadap sesebuah negara lazimnya dipamerkan melalui pelbagai kaedah sebagai lambang cintakan bangsa dan negara. Intipati semangat cintakan negara akhirnya akan menjurus kepada perpaduan yang selanjutnya menatijahkan keadaan yang damai dan melahirkan suatu bentuk kestabilan politik, ekonomi, sosial yang baik. Keadaan ini membolehkan rakyat daripada pelbagai etnik dapat hidup bersama dalam suasana aman dan bebas dari konflik kekerasan etnik yang kerap dan berpanjangan.⁴⁵ Akhirnya, dalam mengisi kemuliaan kemerdekaan dan pembentukan Malaysia, Pertempuran Kalabakan wajar diangkat sebagai simbol semangat patriotisme yang memperkukuh identiti kebangsaan. Peristiwa ini menegaskan bahawa Malaysia turut dipertahankan dengan pengorbanan darah pejuang, justeru keamanan dan keharmonian yang dikecapi pada hari ini tidak seharusnya dilupakan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah; Arkib Negeri Sabah; Perpustakaan Tun Fuad Stephen; Arkib Negara Malaysia; Muzium Tentera Darat Malaysia; serta seluruh komuniti Kalabakan, khususnya Saudara Kasman Abd Manan, Cikgu Baharun, dan keluarga Dewan Hussin atas kerjasama serta sumbangan mereka yang amat bermakna dalam menjayakan kajian ini.

Biodata

*Dr. Abdul Rahman Bin Mad Ali @ Abang (manabdulrahman@usm.my) (corresponding author) merupakan pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Beliau aktif dalam bidang penyelidikan sejarah dan kemanusiaan, dengan fokus terhadap kajian konflik serantau dan patriotisme dalam konteks Malaysia. Melalui penglibatan akademik dan penulisan ilmiah, beliau menyumbang kepada pengembangan wacana nasional serta pemahaman sejarah tempatan. Beliau boleh dihubungi melalui emel: manabdulrahman@usm.my

Received: 31 Mei 2025

Reviewed: 20 Jun 2025

Accepted: 28 Jun 2025

Nota

¹ *Anak Sabah*, 16 September, 1963, hlm 1; *Daily Express*, 16 September, 1963, hlm 5-6.

² *Berita Mingguan*, 16 September, 2008.

³ *Indonesian Aggression Against Malaysia*, Kuala Lumpur, 1964; *Indonesian Intention Towards Malaysia: A Plot Exposed*, Kuala Lumpur, 1965; *Malaya-Filipina Relations From 31 August 1957-15 September*, Kuala Lumpur, 1965.

⁴ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *Konflik Bersenjata Di Sempadan Sabah-Kalimantan Timur Pada Era Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966*, Tesis Sarjana, Fakulti Kemanusiaan Seni Warisan, Universiti Malaysia Sabah, 2012.

⁵ Syed Othman Syed Omar, *Tentera Malaysia Dalam Era Konfrontasi*, Bangi: Penerbitan: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

⁶ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963*, Latihan Ilmiah, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2008, hlm.30; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *et. Al.*, hlm. 232-238; Zakaria Salleh, *Biografi Seorang Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm.118; Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, hlm. 130-131; Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku*, hlm. 382. - masukkan rujukan penuh kerana kami tak guna op.cit. Sila baiki rujukan berikut yg ditanda mercha di bawah

⁷ P/PEN 3, Dato' Mohd Ghazalie Shafie, *Indonesian Involvement In Eastern Malaysia*, Kuala Lumpur, 1965 hlm. 29; James Harold James & Denis Sheil-Small, *The Underclared War*, hlm.97; Syed Othman, (a), *Tentera Malaysia Dalam*, hlm. 94; Ramlah Adam, *op.cit*, hlm. 382; Matthew John, *op.cit*, hlm. 244; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *Pertempuran Kalabakan 29*, hlm. 33; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *et. Al.*, hlm. 232-238; Nick van der Bijl, *Confrontation The War With Indonesia 1962-1966*, Great Britain: Pen & Sword Military, 2007, hlm. 94-96; Will Fowler, *Britain's Secret War The Indonesian Confrontation 1962-66*, Great Britain: Osprey Publishing, 2008, hlm. 12-13; *Tempoh*, 13 November, 2006.

⁸ Ucapan Timbalan Perdana Menteri Dan Menteri Pertahanan Tun Abdul Razak Bin Hussein Berkenaan Dengan Peristiwa Yang Berlaku Di Daerah Kalabakan, Sabah Di Dewan Rakyat pada 3 Januari 1964. Dalam, Ucapan-Ucapan Tun Abdul Razak Bin Hussein 1964, Arkib Negara Malaysia, 1964, hlm. 1-7 ; Temubual bersama Kurator Muzium Tentera Darat Malaysia, Mejar Zuraiman, di Port Dickson, Negeri Sembilan, 2017.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Daily Express*, 31 Disember, 1963, hlm. 1.

¹¹ Temubual Veteran Home Guard Peristiwa Kalabakan 29 Disember, 1963 Dewan Bin Hussein, 2009.

¹² Temubual Ketua Kampung Kalabakan, Suping Bin Ajak.

¹³ *Home Guard* pada ketika itu merujuk kepada orang yang bertanggungjawab mengawal keselamatan dan menjaga harta benda milik *Syarikat North Borneo Timber* (NBT). Pada masa kini, *Home Guard* lebih dikenali dengan *Security* atau pun Polis Bantuan. Namun, penubuhannya adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan harta benda milik Syarikat NBT yang dikendalikan oleh Mr.Rees. Menurut Antalai terdapat beberapa orang tempatan yang dilantik oleh NBT di tugaskan secara bergilir-gilir bagi tujuan mengawal keselamatan kawasan milik NBT menurut Veteran *Home Guard*, Antalai Anak Bangi.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Kunaseelan Muniandy, *Hubungan Indonesia-Malaysia*, hlm.160.

¹⁶ *Hari Dalam Sejarah Malaysia, Pasukan Khas Tentera Persekutuan Berlepas Ke Congo*, 5, 1986, hlm. 9-11.

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 161.

¹⁸ Di samping penyusupan bot tentera laut, jet-jet pejuang tentera udara Indonesia juga pernah menceroboh ruang udara Singapura. *Ibid.*, 8 Februari 1963, *Straits Times*, February, 2, 1963.

¹⁹ *Malaya Mail*, Februari 21, 1963.

²⁰ *Straits Times*, Januari 29, 1963.

²¹ *Hari Ini Dalam Sejarah*, Pembentukan Majlis Pertahanan Malaysia, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 3, 1983, hlm. 281-282.

²² Britain sedia membantu Malaysia kerana mempunyai perjanjian pertahanan *Anglo Malayan Defence Agreement* (AMDA) dengan bekas jajahannya yang ditandatangani pada tahun 1957 dan kemudiannya diperbaharui pada bulan Jun 1963, *Ibid.*, hlm. 201.

²³ *Ibid.*, Tentera Australia dan New Zealand yang ditempatkan di Melaka dan Butterworth adalah sebahagian daripada *Commonwealth Strategic Reserve* yang bertanggungjawab kepada keselamatan Malaysia berdasarkan *Anglo Malaysian Defence Agreement* (AMDA).

²⁴ *Strait Times*, September, 20, 1963.

²⁵ Trikora adalah operasi ketenteraan Indonesia ke atas Pembebasan Irian Jaya daripada penjajahan Belanda. Lihat, M. Cholil, *Sedjarah Operasi2 Pembebasan Irian Barat*. Jakarta: Departemen Pertahanan Keamanan, Pusat Sedjarah ABRI, 1971, bab II Trikormando Rakyat dan Pembentukan Komando-Mandala Pembebasan Irian Barat, hlm. 27-54.

²⁶ Dwikora adalah Operasi Ketenteraan Sukarelawan Indonesia terhadap kempen "Ganyang Malaysia". Sila lihat, *Gelora Konfrontasi Mengganyang Malaysia*, Jakarta:Departemen Penerangan Republik Indonesia, 1964.

²⁷ 'Darurat' merujuk kepada situasi yang tidak menentu terutama dalam aspek keselamatan di Kalabakan akibat serangan Tentera Indonesia ke atas Pos tentera dan Balai Polis pada 29 Disember. Tentera Indonesia dipercayai masih lagi berada di kawasan sekitar Kalabakan kemungkinan memberi ancaman kepada keselamatan orang kampung. Perhatian akan hal tersebut, penduduk Kampung disarankan agar segala pekerjaan yang menjadi rutin mereka seperti, pergi ke kebun, menangkap ikan dan memungut hasil hutan tidak lagi bebas dilakukan. Kenyataan ini menurut keterangan Suping Bin Ajak, Ketua Kampung Kalabakan.

²⁸ Sewaktu perintah berkurung dikeluarkan, penduduk kampung juga mengalami kesukaran untuk keluar bagi mendapatkan bekalan makanan. Mujurlah bekalan makanan turut dibekalkan tentera Malaysia. Di antara bahan makanan termasuklah beras, gula, ikan kering, makanan dalam tin. Sepanjang tempoh perintah berkurung dikeluarkan semua bekalan makanan telah dibekalkan oleh pihak tentera Malaysia, menurut Antalai yang turut serta dalam serangan hendap terdapat lapan orang Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di tepi Sungai Brantian ketika serangan dilakukan. Serangan telah berlaku di antara TNKU dengan tentera Gurkha, dan tentera Australia dengan begitu sengit. Sewaktu berbalas serangan, salah seorang daripada ketua kumpulan tersebut telah berjaya ditembak mati beliau. Oleh kerana kerjasama yang begitu baik yang diberikan penduduk kampung, akhirnya satu demi satu tentera penceroboh berjaya ditumpaskan oleh tentera Malaysia yang dibantu tentera bantuan dari Gurkha dan Australia. Penduduk kampung banyak berhutang budi kepada pihak tentera Malaysia yang berusaha sebaik mungkin untuk memastikan agar keamanan penduduk kampung dan yang paling penting kemerdekaan negara terus terpelihara.

²⁹ Pas Keselamatan, merujuk kepada kad khas bagi orang kampung untuk pergi menangkap ikan, udang, pergi ke kebun dan hutan serta sebarang pergerakan mereka yang keluar dari rumah bagi tujuan tersebut. Pas Keselamatan ini diwajibkan oleh pihak tentera dan polis hutan, bagi mengelakkan penduduk kampung daripada di culik dan menjadi tebusan apabila ditangkap tentera Indonesia yang masih berada di sekitar Kalabakan selepas serangan hendap yang dilakukan.

³⁰ *Ranjau* merujuk kepada sejenis kayu belian yang ditajamkan hujungnya dan kemudiannya ditajak ke dalam tanah. *Ranjau* ditanam ke dalam tanah secara rapat-rapat sebagai pagar dan benteng untuk memagari kawasan kampung Kalabakan. Lihat Abdul Rahman Bin Mad Ali @ Abang, 'Pertempuran Kalabakan 29 Disember, 1963', hlm. 65; Abdul Rahman Bin Mad Ali @ Abang et al., *Reaksi Masyarakat Sempadan Sabah-Kalimantan Timur Terhadap Pertempuran Kalabakan 29 Disember, 1963: Satu Persepektif Sejarah Sabah*, Konferensi Antara-Universiti Se-Borneo Kali-5, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2019, hlm. 237.

³¹ Temubual Veteran *Home Guard* semasa Peristiwa Kalabakan 29 Disember, 1963, Dewan Bin Hussien pada 24 Disember, 2007, Kampung Kalabakan, Tawau, Sabah.

³² Lapangan Terbang ini telah siap dibina dalam masa dua minggu, menurut keterangan Suping Bin Ajak, Ketua Kampung Kalabakan.

³³ Ibid.

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid.

³⁶ Pada Januari 1964 di Perairan Tawau kapal peronda British menjumpai rakit tanpa senjata yang dinaiki oleh Tentera Indonesia. Sarjan Rebani, Subronto dan dua puluh anggota KKO gugur. Tiga anggota Tentera Indonesia berhasil meloloskan diri, yakni kelas satu Rusli, Suwadi, dan Bakar, telah berjaya ditangkap oleh tentera Gurkha di pantai. Ketika ditangkap, mereka sedang mengumpul mayat rakan-rakannya yang dapat diseret ke darat. Tentera Gurkha tidak memberi kesempatan untuk menguburkannya. Jenazah dibiarkan terbengkalai di pantai. Rusli kemudiannya diterbangkan ke Jeselton, kemudiannya ke Johor Baharu pada awal 1966. Di Semenanjung keduanya ditahan di tempat terpisah. Rusli dan 21 anggota Tentera Indonesia yang dijatuhi Undang-Undang 11-13 tahun penjara di Negeri Sembilan. Manakala Manaor dipenjarakan di Detention Camp Johor. Sekitar 502 perajurit Tentera Indonesia dari berbagai angkatan dikurung di sini untuk digantung atas kesalahan menceroboh wilayah Malaysia. Lihat, *Tempoh*, 13 November, 2006, Tergayang Di Malaysia.

³⁷ Berikutan dengan itu, pada 12 Januari 1964, seramai 22 orang Tentera Indonesia telah berjaya dibunuh. Malah batalion ini juga turut berjaya menangkap tiga orang anggota Tentera Indonesia. Walaupun bilangan yang ditawan itu agak kecil jumlahnya, tetapi ia telah dapat membantu operasi selepas itu. Beberapa kawasan di Tawau telah diisytiharkan sebagai kawasan terhad bagi memudahkan operasi keselamatan. Lihat Syed Othman Bin Syed Omar, (a), *Tentera Malaysia Dalam*, hlm. 99-100; James Harold & Denis Shell Small, *The Underclared War*, hlm. 97; Nick Van Der Bijl, *Confrontation The War*, hlm. 96; Will Fowler, *Britain's Secret War*, hlm. 12; Abdul Rahman Mad Ali @ Abang,(a), *Konflik Bersenjata Di Sempadan*, hlm. 50.

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Temubual Veteran Home Guard semasa Peristiwa Kalabakan pada 29 Disember 1963 Antalai a/k Bangai.

⁴¹ Kedouri, *Nationalism*, Oxford: Blackwell, 1991; Gellner, Ernest, *Nation and Nationalism*, Oxford: Blackwell, 1983; John, Breuilly, *Reflections on Nationalism, Philosophy of The Social Sciences*, 15(1), hlm. 65-75; David B.

Knight, Territory: Geographical Perspective on Nationalism and Regionalism, *Annals of The Association of American Geographers*, 72(4), December 1982, hlm. 514-531.

⁴² Temubual dengan Datu' Mamun Ibni Almahrum Datu' Maulana Mohammad Djalaluddin, 28 Julai 2010, Tawau, Sabah, Malaysia ; Temubual dengan Dewan Hussein, 23 Julai, 2007, 69 tahun Kampung Kalabakan, Kalabakan, Tawau, Sabah.

⁴³ Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963*, Latihan Ilmiah, Sekolah Sains Sosial. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2008.

⁴⁴ Lakonan Semula Peristiwa Kalabakan di Kalabakan, Tawau Sabah.

⁴⁵ Shamsul Amri Baharuddin, *Perpaduan, Kesepaduan, Penyatupaduan : Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat*, 2014.

Rujukan

Anak Sabah, 16 September, 1963.

Abd Razid, M. A., *Mempertahan Malaysia tanah air milik Bersama*, *Berita Harian Online*, 16 September 2018.

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang & Bilcher Bala, Kalabakan Tawau Bukti Malaysia Mempertahankan Kedaulatannya, The 10th International Malaysian Studies Conference (MSC), Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2016.

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang & Bilcher Bala, *Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966: Satu Perspektif Sejarah Ketenteraan Malaysia*, *Persidangan Sejarah Malaysia & Borneo*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2016.

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963*, Latihan Ilmiah Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2008.

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *Konflik Bersenjata Di Sempadan Sabah-Kalimantan Timur Pada Era Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966*, Tesis Sarjana Sekolah Sains Sosial, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2012.

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang, *Dasar dan Tindakbalas Ketenteraan British di Sarawak dan Sabah Sebelum dan Semasa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1961-1966*. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2021.

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang et. al., *Reaksi Masyarakat Sempadan Sabah-Kalimantan Timur Terhadap Pertempuran Kalabakan 29 Disember, 1963: Satu Persepektif Sejarah Sabah*. Konferensi Antara-Universiti Se-Borneo Kali-5, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah., 2019.

Daily Express, 30 Disember, 1963.

Donald, Hindley, *Indonesia Confrontation With Malaysia'*, *Asian Survey*. 4(6), 1964: 904-913.

James Harold, Small Shell, *The Underclared War*, London: Leo Cooper, 1991.

Kroef, Justus M. Van Der, 'Indonesia, Malaya, And The North Borneo Crisis,' *Asian Survey*. 3(4)1963, 173-181.

Kunassalen Muniandi, *Hubungan Indonesia-Malaysia 1957-1967*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Lakonan Semua Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963., Atas Perkenan Sultan Kedah Koloneal Tertinggi Rejimen Askar Melayu Di-Raja Ke-3 RAMD 3 di Kalabakan, Tawau Sabah, Malaysia, 2005.

Mackie, J.A.C., *Konfrontasi:The Confrontation Indonesia-Malaysia 1963-1963*, Oxford: University Oxford Press, 1991.

Malaya Mail, 21 Februari, 1963.

Muzium Tentera Darat Malaysia, Fail Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966.

Nick Van Der Bijl, *Confrontation The War With Indonesia 1962-1966*, London: Pen & Sword., 2007.

Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia., 2000.

Nordi Achie, *Jiwa Merdeka, Isu dan Persoalan Sabah*, Santai Ilmu Publication, 2021.

Peter Dicknes, *SAS The Jungle Frontier 22 Special Air Servise Regiment the Borneo Campaign 1963-1966*, Arms and Armour, 1991.

Raffi Geogrian, "Claret Operations And Confrontation 1964-1966," *Conflict Quarterly*, 11(1): 46-72, 1991.

Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Ramli Dollah, et. al., *Sabah Dalam Hubungan Indonesia*, Kota Kinabalu: Penerbitan Universiti Malaysia Sabah, 2019.

Sabah Times, 16 September, 1963.

Straits Times, 2 February, 1963.

Straits Times, 29 Januari, 1963.

Stratis Times, 20 September, 1963.

Shamsul Amri Baharudin, *Perpaduan, Kesepaduan, Penyatuan : Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat*, Kuala Lumpur: IBTM, 2014.

Smith E.D., *Malaya And Borneo:Counter Isurgensy I*, London: Ian Allan Ltd., 1985.

Supartudo Citrawijaya, *Kompani X Di Rimba Sigalayan*, Jakarta: Kompas, 2009.

Syed Othman Syed Omar, *Tentera Malaysia Dalam Konfrontasi*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

Syed Othman, Syed Omar, *Rejimen Askar Melayu Diraja 1932-1968*, Penerbitan Universiti Malaya, 2005.

Tempoh, 13 November, 2006.

Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, Singapura: Heinemann Educational Books: (ASIA) Ltd.,1980.

Temubual bersama Encik Dewan bin Hussien, Veteran Home Guard. Kampung Kalabakan Tawau, Sabah pada 1 Mei 2006.

Temubual bersama Antalai Anak Bangai, Veteran Home Guard, Kampung Kalabakan Tawau, Sabah, pada 1 Mei 2006.

Temubual bersama Encik Suping Bin Ajak, Ketua Kampung Kalabakan, Tawau, Sabah, pada 1 Mei 2006.

Temubual bersama Mejar Kamal Helmi Bin Majid, Pegawai Risik RAMD ke-3, Pegawai Risik RAMD ke 3 di Markas RAMD Ke-7 di Semporna, Sabah, pada 1 Mei 2007.

Temubual ini dibuat bersama Pegawai Gerak RAMD ke-3, Mejar Kalamal Helmi Bin Majid di Markas RAMD ke-3 di Semporna, pada 1 Mei 2006.

Temubual Veteran Konfrontasi, Mantan Ketua Bultiken Dato Mamun Kampung Muhibah, Tawau, Sabah, pada 9 Mac 2010.

Temubual bersama Mejar Zuraiman, Kurator Muzium Tentera Darat Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2017.

Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Tun Husein, Arkib Negara Malaysia & Jabatan Perdana Menteri, 1964.

Will Flower, *Britain's Secret War The Indonesia Confrontation 1962-66*, London: Osprey, 2006.

Zakariah Saleh, *Biografi Seorang Jeneral Tan Sri Abdul Hamid Bidin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.